




LAPORAN PEMANTAUAN KEMARAU MAC 2024


Pemantauan Kemarau

Indeks SPI Terkini

Berdasarkan kiraan indeks SPI terkini bagi bulan Mac 2024 (Jadual 1), kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan bacaan pada skala normal kecuali di Stesen Meteorologi Kluang, Cameron Highlands dan Temerloh yang merekodkan bacaan indeks SPI pada skala sederhana kering dan sangat kering. Manakala di utara Sarawak dan Sabah merekodkan bacaan pada skala sederhana kering sehingga terlalu kering. Stesen Meteorologi Cameron Highlands, Labuan dan Sandakan telah mencatatkan bacaan indeks SPI pada skala sangat kering sehingga terlalu kering iaitu -1.56, -2.10 dan -2.20 serta defisit jumlah hujan kumulatif 3 bulan semasa yang melebihi 35% (Jadual 2). Sehubungan itu, **Cameron Highlands, Labuan dan Sandakan telah mencapai status pemantauan kemarau WASPADA** (Rajah 1 dan 2). Pemantauan dari semasa ke semasa akan dilaksanakan dengan lebih kerap agar status kemarau meteorologi dapat dikeluarkan seawal yang mungkin.



Rajah 1: Pemantauan Kemarau Meteorologi bagi bulan Mac 2024 (Semenanjung Malaysia)



Rajah 2: Pemantauan Kemarau Meteorologi bagi bulan Mac 2024 (Sabah & Sarawak)









Jadual 1: Indeks SPI Mac 2024 (Data-data diambil dari 41 stesen Utama sahaja)

Stesen	Lat	Lon	SPI					
			1bulan	2bulan	3bulan	4bulan	5bulan	6bulan
PULAU LANGKAWI	6.33	99.73	-0.57	-0.70	-0.71	-0.72	-0.93	-1.10
BAYAN LEPAS	5.30	100.27	-0.41	-0.81	-0.61	-0.41	-0.76	-0.50
BUTTERWORTH	5.45	100.38	0.42	-0.14	0.03	0.33	-0.72	-0.65
ALOR SETAR	6.20	100.40	-0.31	-0.55	-0.89	-0.28	0.00	-0.33
CHUPING	6.48	100.27	0.90	0.40	0.18	0.04	0.07	0.35
KOTA BHARU	6.17	102.30	-0.52	-1.04	-0.36	-0.10	0.98	0.75
KUALA KRAI	5.53	102.20	-0.26	-0.82	0.71	1.45	1.30	1.20
GONG KEDAK	5.80	102.50	-0.92	-1.03	-0.51	0.18	1.08	0.75
KUALA TERENGGANU	5.38	103.10	-0.98	-0.77	0.47	0.75	1.77	1.57
KERTEH	4.54	103.43	-0.13	-0.49	0.19	0.54	0.88	0.78
SITIAWAN	4.22	100.70	1.27	0.19	0.62	0.92	0.69	0.46
LUBOK MERBAU	4.80	100.90	0.51	0.15	-0.24	0.05	-0.42	-0.55
IPOH	4.57	101.10	-0.21	0.70	0.85	0.99	0.83	0.86
CAMERON HIGHLANDS	4.47	101.37	-1.56	-1.63	-1.23	-0.70	-0.57	-0.32
BATU EMBUN	3.97	102.35	-0.14	-0.62	-0.01	-0.03	-0.59	-1.33
SUBANG	3.13	101.55	0.81	0.74	0.97	1.64	1.56	1.94
MUADZAM SHAH	3.05	103.08	-0.87	-1.49	0.88	1.38	1.36	1.25
KLIA SEPANG	2.73	101.70	-0.33	-0.71	-0.38	0.94	0.71	0.35
TEMERLOH	3.47	102.38	-1.75	-1.82	-1.14	-0.81	-1.02	-1.33
KUANTAN	3.77	103.22	-0.38	-0.97	0.41	0.36	0.44	0.20
MELAKA	2.27	102.25	-0.51	-1.25	-0.71	0.11	0.33	-0.08
KUALA PILAH	2.73	102.25	-0.52	-1.52	-0.95	-0.86	-0.27	-0.38
BATU PAHAT	1.87	102.98	0.42	-0.23	0.26	0.55	-0.46	-0.53
KLUANG	2.02	103.32	-1.38	-1.67	0.03	0.40	1.05	0.88
MERSING	2.45	103.83	0.62	-0.25	1.00	1.47	1.54	1.46
SENAI	1.63	103.67	-0.98	-1.52	0.71	1.06	1.71	1.74
KUCHING	1.48	110.35	1.23	1.26	1.14	0.88	0.73	0.47
SRI AMAN	1.22	111.45	0.60	0.62	0.50	0.39	-0.07	-0.23
SIBU	2.25	111.97	0.45	-0.15	-0.26	0.12	0.11	0.35
BINTULU	3.12	113.02	0.28	-0.42	0.11	0.22	-0.22	-0.23
MIRI	4.33	113.98	-1.20	-0.94	-0.47	-0.69	-0.40	-0.73
KAPIT	2.00	112.92	1.33	1.29	1.07	0.83	0.75	0.65
LIMBANG	4.80	115.00	-1.22	-0.72	-0.15	-0.20	-0.26	-0.43
MULU	4.05	114.82	-0.24	-0.27	-0.45	-0.42	-0.42	-0.63
LABUAN	5.30	115.25	-2.10	-1.06	-1.25	-1.34	-1.56	-1.53
KOTA KINABALU	5.93	116.05	-1.04	0.01	-0.31	-0.62	-0.94	-1.75
KUDAT	6.92	116.83	-1.32	-0.41	-0.67	-0.33	-0.28	-0.46
TAWAU	4.32	118.12	-0.51	-0.10	-0.21	-0.22	-0.15	-0.49
SANDAKAN	5.90	118.07	-2.20	-0.70	-0.98	-0.79	-0.62	-0.78



RANAU	5.95	116.67	-1.07	-1.17	-0.93	-0.99	-1.13	-0.97
KENINGAU	5.33	116.13	-1.42	-1.21	-1.14	2.10	2.16	2.19

 2.0 dan ke atas : Terlalu lembap
 1.5 ke 1.99 : Sangat lembap
 1.0 ke 1.49 : Sederhana lembap
-0.99 ke 0.99: Normal

 -1.0 ke -1.49 : sederhana kering
 -1.5 ke -1.99 : Sangat kering
 -2.0 atau kurang : Terlalu kering




PEMANTAUAN STATUS KEMARAU METEOROLOGI	
Tahap Amaran	Penjelasan
WASPADA	Defisit jumlah hujan kumulatif untuk tempoh 3 bulan terkini melebihi dari 35% dari normal; DAN Indeks SPI bulan terkini adalah kurang daripada -1.5 ATAU Defisit jumlah hujan kumulatif untuk tempoh 6 bulan terkini melebihi 35% dari normal DAN indeks SPI bulan terkini kurang dari -1.5
AMARAN	Defisit jumlah hujan kumulatif untuk tempoh 3 bulan DAN 6 bulan terkini juga melebihi 35% dari normal; DAN Indeks SPI 3 bulan terkini adalah kurang daripada -1.5 serta tahap kemarau sebelumnya telahpun dikategorikan WASPADA
BAHAYA	Defisit jumlah hujan kumulatif untuk tempoh 3 bulan DAN 6 bulan terkini melebihi 35% dari normal; DAN Indeks SPI 3 bulan terkini adalah kurang daripada -2.0 serta tahap kemarau sebelumnya telahpun dikategorikan AMARAN


Rajah 3: Tahap Pemantauan Status Kemarau




Jadual 2 : Taburan Hujan 1, 3 dan 6 bulan di Stesen Meteorologi Utama bagi SPI pada sangat kering hingga terlalu kering

Stesen Meteorologi Utama	1 bulan			3 bulan			6 bulan		
	Jumlah Hujan Mac24 (mm)	Purata Jangka Panjang (mm)	Defisit Hujan (%)	Jumlah Hujan Jan-Mac24 (mm)	Purata Jangka Panjang (mm)	Defisit Hujan (%)	Jumlah Hujan Okt23-Mac24 (mm)	Purata Jangka Panjang (mm)	Defisit Hujan (%)
Cameron Highlands	73.8	219.6	66	238.7	474.8	50	1288.8	1380.1	7
Temerloh	19.6	145.1	87	265.0	380.1	30	817.3	1028.2	21
Labuan	3.6	129.5	97	119.7	473.1	75	842.3	1587.0	47
Sandakan	11.8	195.7	94	426.9	923.2	54	1510.9	1989.1	24


 Stesen Met Indeks SPI kurang dari -1.5 dan Defisit Hujan (3 bulan terkini) melebihi 35% (WASPADA)



Rajah 4: SPI 1 Bulan (Mac 2024)



Rajah 5: SPI 3 Bulan (Januari - Mac 2024)



Rajah 6: SPI 6 Bulan (Oktober 2023 - Mac 2024)



Keadaan Cuaca Semasa

Negara kini berada dalam fasa Peralihan Monsun yang bermula pada 29 Mac 2024 dan dijangka berterusan sehingga Mei 2024. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut 2023/2024 yang telah bermula sejak 11 November 2023. Semasa fasa Peralihan Monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Keadaan ini amat sesuai untuk berlakunya ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang yang menyeluruh dalam jangka masa singkat terutama pada waktu petang hingga awal malam.

Sepanjang bulan Mac 2024, terdapat beberapa buah Stesen Meteorologi Utama telah mencatatkan bacaan suhu maksima harian pada Status Cuaca Panas Tahap 1 (Berjaga-jaga) dan Tahap 2 (Gelombang Haba) (Jadual 3). Status cuaca panas ini dikeluarkan apabila stesen meteorologi merekodkan suhu maksimum harian antara 35°C hingga 37°C bagi Tahap 1 dan 37.1°C hingga 40°C bagi Tahap 2 sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut. Berdasarkan pemantauan terhadap 41 buah stesen meteorologi utama, Stesen Meteorologi Chuping telah mencatatkan suhu maksima harian yang tertinggi untuk bulan ini yang mencecah 39.0°C iaitu pada 23 Mac 2024.

Status Cuaca Panas Tahap 1 (Berjaga-jaga) pada bulan Mac 2024		
Stesen Meteorologi Utama	Suhu Maksima Harian (°C)	Tarikh
Alor Setar	35.6 – 37.9	1hb – 22hb
Pulau Langkawi	35.4 – 36.2	1hb – 7hb
Chuping	35.7 – 38.6	1hb – 7hb
	37.1 – 37.4	12hb – 14hb
Limbang	35.4 – 36.2	24hb – 26hb
Status Cuaca Panas Tahap 2 (Gelombang Haba) pada bulan Mac 2024		
Chuping	37.0 – 37.4	15hb – 17hb
	37.2 – 39.0	21hb – 28hb
Alor Setar	37.0 – 38.2	23hb – 27hb

Jadual 3: Status Cuaca Panas Tahap 1 dan 2



Ramalan Cuaca Jangka Sederhana (April - Jun 2024)


Pada bulan April 2024, negara dijangka berada dalam fasa Peralihan Monsun. Pada bulan ini, kebanyakan negeri di Semenanjung dijangka akan menerima taburan hujan pada paras purata iaitu dari 100mm hingga 300mm kecuali di negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah, utara Perak, Kelantan dan utara Terengganu yang dijangkakan menerima hujan sedikit bawah purata antara 100mm hingga 250mm. Di Sarawak, kebanyakan bahagian dijangka akan menerima jumlah hujan pada paras purata di antara 150mm hingga 350mm, kecuali di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei dan sebahagian Sibu yang dijangkakan menerima hujan sedikit melebihi purata iaitu antara 300mm hingga 400mm. Di Sabah dan W.P Labuan pula dijangkakan menerima hujan pada paras purata iaitu antara 100mm hingga 250mm, kecuali di Kudat, Sandakan dan Tawau yang dijangkakan menerima hujan sedikit bawah purata iaitu antara 40mm hingga 100mm.

Dalam bulan Mei 2024, keadaan cuaca negara dijangkakan akan dipengaruhi oleh fasa Monsun Barat Daya. Dalam tempoh Monsun Barat Daya yang biasanya bermula pada pertengahan Mei hingga September, kejadian ribut petir dan hujan lebat dijangka berkurangan dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan. Pada bulan ini kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia dijangka menerima hujan pada paras purata antara 100mm hingga 300mm. Di Sarawak, kebanyakan bahagian dijangka akan menerima jumlah hujan pada paras purata di antara 200mm hingga 300mm, kecuali di Bintulu, Kapit, Miri, Limbang yang dijangkakan menerima hujan sedikit melebihi purata iaitu antara 250mm hingga 450mm. Manakala negeri Sabah dijangka menerima hujan pada paras purata antara 100mm hingga 200mm kecuali di W.P Labuan, Pantai Barat dan Pedalaman yang dijangkakan menerima hujan sedikit melebihi purata iaitu antara 200mm hingga 400mm.


Bagi bulan Jun 2024, kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia akan menerima hujan pada paras purata antara 100mm hingga 300mm. Di Sarawak, kebanyakan bahagian dijangkakan menerima hujan pada paras purata iaitu antara 150mm hingga




300mm, kecuali di Sarikei, Sibul, Bintulu, Kapit dan Miri yang dijangka menerima hujan sedikit melebihi purata antara 250mm hingga 400mm. Manakala negeri Sabah dan W.P Labuan juga dijangka menerima hujan pada paras purata antara 100mm hingga 350mm.




Rajah 7: Jangkaan Anomali Hujan April 2024




Rajah 8: Jangkaan Hujan April 2024




Rajah 9: Jangkaan Anomali Hujan Mei 2024



Rajah 10: Jangkaan Hujan Mei 2024



Rajah 11: Jangkaan Anomali Hujan Jun 2024



Rajah 12: Jangkaan Hujan Jun 2024



*Rajah 1 - 12 ini dijana daripada 41 buah stesen meteorologi utama MET Malaysia menggunakan kaedah interpolasi IDW.

*Disediakan oleh:
Pusat Iklim Nasional
Jabatan Meteorologi Malaysia
5-Apr-24*